

# INFO@PUSTAKA

## Perpustakaan Tuanku Bainun

Bil. 27/Julai-Disember 2018

ISSN :1675-7394



<http://pustaka.upsi.edu.my>

# SIDANG REDAKSI



*Rusliza Yaacob*  
*Penasihat*



*Siti Sumaizan Ramli*  
*Ketua Pengarang*



*Najah Saghirah Haroman*  
*Ketua Editor*



*Noriha Muhammad*  
*Pengarang*



*Nor Hanizah Zahid*  
*Pengarang*



*Firdausiah Athmad*  
*Pengarang*



*Suliza Osman*  
*Pengarang*



*Noriah Mohamad*  
*Penerbitan &edaran*



*Muhammad Zuhad*  
*Fotografi*

# DARI MEJA KETUA PUSTAKAWAN

Assalamualaikum w.w. dan Salam Sejahtera,

Keluaran info@pustaka kali ini memaparkan program dan aktiviti yang menarik sepanjang pertengahan kedua tahun 2018 seperti pesta buku, wacana keilmuan dan khidmat masyarakat. Budaya membaca dan program literasi maklumat kepada pelajar dan pensyarah menjadi asas kepada pencarian ilmu untuk membina warga dan masyarakat yang berpengetahuan .

Dalam dunia kepustakawanan, Malaysia julung kali menjadi hos kepada persidangan terbesar dunia iaitu IFLA World Library and Information Congress (WLIC) ke-84 yang diadakan pada 24-30 Ogos 2018 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Seramai sembilan (9) orang Pustakawan dan seorang Pegawai Teknologi Maklumat terlibat dalam persidangan ini sebagai ahli Jawatankuasa Kebangsaan IFLA WLIC, peserta persidangan, peserta pameran dan sukarelawan IFLA. Perpustakaan juga menerima delegasi IFLA dari seluruh negara yang melawat UPSI pada 30 Ogos 2018.



Dari segi penerbitan, perpustakaan berjaya menerbitkan buku 'Warisan Tanjong Malim' yang ditulis oleh Tuan Haji Mohd. Shafie bin Syed Mansor, Dr. Raja Ahmad Shalaby bin Raja Hassan dan Puan Muliati binti Abdul Samad. Perasmian buku disempurnakan oleh Ybhg. Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran, Naib Canselor UPSI. Buku yang sarat menceritakan sejarah Tanjong Malim ini wajar dimiliki dan dibaca oleh semua warga universiti, guru dan pelajar sekolah serta masyarakat.

Tahun gemilang bagi perpustakaan ini berakhir dengan tiga (3) kakitangan yang bersara wajib iaitu Puan Rohaizat Alwi, Encik Wan Adnan Wan Abdul Rahman dan saya sendiri sebagai Ketua Pustakawan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan yang diberikan kepada saya sepanjang perkhidmatan saya sebagai Ketua Pustakawan di sebuah universiti yang penuh bersejarah ini. Sebelum mengundur diri, saya mendoakan kalian sentiasa maju jaya dan aktif dalam penulisan dan penganjuran aktiviti untuk dikongsi bersama warga universiti dan para pembaca.

Rusliza Yaacob

# IFLA WLIC LIBRARY TOUR

@PTB LIBRARY

Pada 30 Ogos 2018, PTB menerima kunjungan seramai 59 orang delegasi peserta International Federation of Library Associations and Institutions, World Library and Information Congress (IFLA WLIC). Mereka terdiri daripada ketua-ketua pustakawan yang mewakili negara masing-masing ke kongres yang julung-julung kali diadakan di Kuala Lumpur pada 24-30 Ogos 2018. IFLA adalah badan antarabangsa terkemuka yang mewakili kepentingan perpustakaan dan perkhidmatan maklumat serta pengguna perpustakaan. PTB berbesar hati menerima kunjungan delegasi ini, bertukar pandangan dan berkongsi idea dalam meningkatkan perkhidmatan perpustakaan menuju era revolusi industri 4.0. SEMOGA BERTEMU LAGI TAHUN HADAPAN DI ATHENS!



# IFLA WLIC LIBRARY TOUR

## PTB LIBRARY



Delegasi memberi perhatian semasa taklimat mengenai Perpustakaan Tuanku Bainun.



Ketua Pustakawan berbincang dengan salah seorang delegasi yang melawat PTB.

Berminat dengan hasil pameran tulisan Jawi pelajar yang dipamerkan ruang pameran.



# PESTA BUKU UPSI

Kali ke 16, 2018




Pesta Buku UPSI telah dijayakan pada 26-30 September di PTB dengan kerjasama Pejabat Karang Mengarang. Pesta buku kali ini melibatkan 28 penerbit dan pembekal buku yang menjual buku merangkumi buku akademik, bacaan umum, novel dan buku kanak-kanak.



Sekitar pesta buku UPSI yang diadakan di PTB. Jualan buku mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelajar UPSI, kakitangan dan orang awam.

# PESTA BUKU UPSI

## Wacana Filem & Bicara Santai



**WACANA FILEM**  
**ayatayat cinta 2**  
8.30 Pagi Rabu 26 September 2018  
Auditorium Aras 4, Perpustakaan Tuanku Bainun

**Panel**  
Habiburrahman El Shirazy  
Dr. Salman Alfarsi

**Moderator**  
Dr. Makmur b. Hj. Harun

**Anjuran**  
Perpustakaan Tuanku Bainun  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

*Perpustakaan*  
*Hadiah*

\*Mata CPD dan MyCAT akan diberikan untuk kehadiran penuh



Saudara Habiburrahman El-Shirazy didatangkan khas untuk mewacanakan filem 'Ayat-ayat cinta 2' bersama panel Dr, Salman al-Farisi dan Dr. Makmur Harun sebagai moderator.



**BICARA SANTAI** semua dijemput hadir.  
**Rahsia Kaya dan berjaya**

**BERSAMA SAIFUL NANG**  
Pengembara profesional

Khamis: 27 September 2018  
10.00 pagi - 12.00 tengah hari

Auditorium Aras 4



Sempena pesta buku, PTB turut menampilkan blogger Saudara Saiful Nang, yang membicarakan 'Rahsia kaya dan berjaya'.



# WARISAN TANJONG MALIM

## Pelancaran Buku

Pelancaran Buku Warisan Tanjong Malim telah disempurnakan oleh Naib Canselor UPSI, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran pada hari Rabu, 26 September 2018 jam 2.30 petang. Majlis pelancaran ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan universiti, kakitangan, pelajar dan masyarakat awam. Istimewanya buku ini adalah hasil tulisan 3 penulis iaitu Tuan Haji Mohd Shafie bin Sayed Mansor, alumni atau anak kandung era Maktab Perguruan Sultan Idris; YM Dr. Raja Ahmad Shalaby bin Raja Hassan dan Puan Muliati binti Abdul Samad, Pustakawan Kanan PTB . Buku ini merupakan sejarah Tanjong Malim dari awal pembukaannya, perkembangan dan pembangunannya sehingga kini. Pelbagai peristiwa menarik dikongsi untuk tatapan pembaca dirakam dalam buku ini. Antaranya hasil lukisan Frank Swettenham yang pernah menjadi residen Inggeris di Negeri Perak, pengkisahan darurat yang pernah berlaku di Tanjong Malim dan penetapan sempadan antara negeri Perak dan Selangor. Ingin mengetahui dan merungkai susur galur sejarah Tanjong Malim? Bacalah buku ini!



Naib Canselor UPSI bersama penulis buku, Puan Muliati Abdul Samad dan Tuan Haji Mohd Shafei Sayed Mansor serta Ketua Pustakawan, Puan Rusliza Yaacob.





# JOM LE-PARK DE PTB

28 September - PTB telah menganjurkan aktiviti **Jom Le-Park De PTB**. Dua pengisian utama aktiviti ini adalah Jom Belajar Bahasa Isyarat dan Sembang Inspirasi : Setiap Anda Itu Istimewa!



“Jom Belajar Bahasa Isyarat” dikendalikan oleh Aida Fariha binti Zainul Azhar Nur Anis binti Mohd Kassim, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas, Fakulti Pembangunan Manusia.



Muhammad Syahir Aiman, sebagai moderator bersama Encik Iran Shah bin Ramatullah.



“Sembang Inspirasi : Setiap Anda Itu Istimewa” menampilkan guru kelainan upaya penglihatan, saudara Iran Shah bin Ramatullah. Beliau merupakan alumni UPSI daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi dan kini bertugas di Victoria Institution.

## MIMBAR GERAK MEMBACA DI MDTM



Antara pengunjung yang turut hadir ke program dan turut serta dalam aktiviti.



PTB turut mengambil bahagian memeriahkan program 'Mimbar Gerak Membaca di Majlis Daerah Tanjong Malim. Program berlangsung pada 18 Oktober 2018, di bawah anjuran MDTM.

# EXPLORA ILMU

PTB telah menganjurkan Explora Ilmu pada 18 Oktober yang lalu. Aktiviti berbentuk 'infohunt' atau 'Explore Race' ini dilaksanakan di sekitar PTB sehingga muzium Pendidikan Nasional.



Sebanyak 20 kumpulan menyertai aktiviti ini yang terdiri daripada orang awam, pelajar sekolah, staf UPSI dan pelajar UPSI.



Pemenang tempat pertama menerima hadiah daripada Encik Mohamed Zaid Mohamed Idris, Timbalan Ketua Pustakawan.

## PERKONGSIAN ILMU



**PERKONGSIAN ILMU:  
PERPUSTAKAAN KE ARAH IR 4.0**  
ANJURAN PERPUSTAKAAN TUANKU BAINUN, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**22 OKTOBER 2018 (ISNIN)**

**2:30 PTG - 4:30 PTG**

**AUDITORIUM PERPUSTAKAAN, ARAS 4**

Tuan Sayed Munawar b. Sayed Mohd. Mustar  
(CEO Perbadanan Kota Buku)

PTB sekali lagi mengundang CEO Perbadanan Kota Buku, Tuan Sayed Munawar bin Sayed Mustar untuk berkongsi ilmu dan membicarakan 'Perpustakaan: ke arah revolusi industri 4.



Sayed Munawar bin Sayed Mustar ketika sesi perkongsian kepada peserta yang hadir iaitu pelajar, pensyarah, pustakawan UPSI dan pustakawan beberapa universiti awam.



# BENGGKEL E-PRINTS

## Pembangunan Repositori Institusi



Bengkel E-Prints: Pembangunan Repositori Institusi telah diadakan pada 18 Julai 2018 di Makmal Latihan IT, PTB.



Bengkel ini dikendalikan oleh Encik Muizzudin Kaspol, Pustakawan Kanan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM.

# BENGGKEL SUMBER EBSCO



**Tay Chiew Boon**  
Pengurus Latihan Kanan, Ebsco  
International Inc. Asia Tenggara.



Bengkel Sumber Ebsco telah diadakan pada 26 Oktober 2018 di Makmal Latihan IT, PTB. Bengkel ini dihadiri oleh pensyarah, pelajar siswazah dan kakitangan PTB.

# LAWATAN KERJA DARI MRSM KUALA KUBU BHARU



# LAWATAN KE PTB

Sepanjang Julai-Disember 2018



180706 - SMK Taman Mutiara Kedah

180709 - Kolej Universiti  
Perguruan Ugama Seri  
Begawan, Brunei.



181003 - Lawatan Pusat Kegiatan Guru  
Kuala Kubu Bharu



180920 - SMK Cheneh Baru,  
Terengganu



# LIBRARY ROADTOUR



Hari Bersama Pelanggan PTB telah diadakan pada Selasa, 4 September 2018 di Dewan Besar Tuanku Canselor, UPSI. Program ini mendapat sambutan hangat daripada pelajar baru di samping memperkenalkan perkhidmatan perpustakaan kepada mereka.



## ANUGERAH & PENGHARGAAN



Perpustakaan Tuanku Bainun merakamkan setinggi-tinggi TAHNIAH kepada Pustakawan Kanan Bahagian Pengkatalogan, YM Dr. Raja Ahmad Shalaby bin Raja Hassan yang telah menerima Ijazah Doktor Falsafah (Sejarah) daripada DYTM Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim, Canselor UPSI dalam Istiadat Konvokesyen ke 20, UPSI pada 30 Oktober 2018. SYABAS! Semoga jejak menyuntik semangat semua pustakawan UPSI.



Pada 1 November 2018, Perpustakaan Tuanku Bainun menerima sijil penghargaan daripada wakil penerbit buku Taylor & Francis Group, Puan Intan Suria. Taylor & Francis menyumbang penanaman pokok di Indonesia, yang ditimpa musibah kebakaran hutan. Ini antara usaha murni T&F dalam melestari kehijauan alam. PTB diwakili oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Puan Siti Sumaizan Ramli.

# HARI KELUARGA

## & MALAM SANJUNGAN BUDI



**HARI KELUARGA**  
**KLIK 2018**  
KELAB KARITANGAN  
PERPUSTAKAAN TUANKU BAINUN, UPSI  
"Sehati Sejiwa Seiring Sejalan"

Pada 2-3 November, PTB menganjurkan Hari Keluarga KLIK bertempat di Bayu Beach Resort, Port Dickson. Aktiviti sepanjang hari keluarga ini ialah sukaneka dan sukan bola tampar. Pada sebelah malam, KLIK turut menganjurkan 'Malam Sanjungan & Lambaian Kasih' untuk Ketua Pustakawan, Puan Rusliza Yaacob.

MALIS SANJUNGAN & LAMBAIAN KASIH  
PN RUSLIZA YAACOB  
KETUA PUSTAKAWAN UPSI  
2 MEI 2006 - 28 NOV 2018  
2 NOV 2018  
BAYU BEACH RESORT PORT DICKSON

---

# CORETAN SEORANG PEMIMPIN

---

## KITA YANG PERNAH BERSAMA

Andai kau tersedar di esok hari  
Melihat aku tiada lagi  
Rasailah kehadiranmu  
Yang kutinggalkan di kamar kerjaku dahulu

Andainya titisan hujan pagi di subuh tadi  
Masih menitis sampai ke tengahari  
Begitulah jua dengan aku di daerah baharu  
ini  
Masih terasa kesejukan di ruang kerja  
yang selalu kita rasai bersama

Andai terasa melihat bayanganku....  
Intailah sepintas di meja kerjaku  
Kerana di situ masih tersisa ingatanku pada  
kalian  
Yang selalu berbicara, itu dan ini denganku

Andai terhidu kerinduan padaku  
Lihatlah bahasa pada ruang-ruang per-  
pustakaan..  
Tempat aku berkhidmat dulu  
Carilah jejak-jejak langkahku,  
Dalam membimbing kalian selama ini  
Kerana di situ kau kenal siapa aku,  
Meski sukar mencari serasi  
Atau sulit untuk memahami  
Dek terkadang silap melepaskan bicara...  
Namun...ambillah nasihat yang tersurat  
di dalamnya

Andai terpanggil ingatan padaku  
Jejaklah aku di kala lapangmu,  
itu pun jika kalian punya waktu ...  
Jangan pernah jadikan alasan,

Andai ada tawar menawar  
Menyulam kasih menganyam sayang  
Dengan kalian menjadi pilihan  
Bersama mendaki kehidupan  
Menggapai kejayaan yang dulu kita  
genggam

Perpisahan ini bukanlah yang  
sebenarnya  
Pertemuan juga bukan kesilapan  
Tercipta memori kupahat sendiri  
Yang manis untuk dikenang,  
Yang pahit tetap ditelan  
Yang baik untuk diteladan  
Yang buruk untuk disempadan  
Kerana kutahu  
Yang berkilau tidak semesti  
permata  
Yang bersinar juga bukanlah kaca  
Yang memancar jua bukanlah intan  
Yang ramai keliru dalam mencari  
kejujuran

Detik peluang mengenali kalian  
Ada juga meneguhkan keimanan  
Ada juga menguatkan ketaqwaan  
Ada kala memberi keinsafan  
Ada kala menuntut kesabaran  
Demi sebuah perjalananku sebagai  
nakhoda  
Yang sarat dengan pencarian  
Menuju keredhaan Tuhan

NORIHA MUHAMMAD

TANJONG MALIM, NOVEMBER 2018.

# SELAMAT BERSARA

## Encik Wan Adnan & Puan Rohaizat



**17 Ogos 2018**

PTB merakam setinggi penghargaan dan terima kasih kepada 2 orang Pembantu Am Pejabat yang bersara pada tahun ini iaitu Puan Rohaizat Alwi dari bahagian Pengkatalogan dan Encik Wan Adnan dari Bahagian Pengurusan Pelanggan dan Koleksi. SELAMAT BERSARA! Semoga silaturrahim kekal abadi.



**7 September 2018**

# PAMERAN

vPromo Gallery



iPTD

## POSTER EXHIBITION

iSYS

# INNOVATION of APPS & SYSTEMS

@PERPUSTAKAAN TUANKU BAINUN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

OffPAC

iPUSTAKA

VRS



August - October 2018



Exhibition space , Level 1

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Universiti Pendidikan Sultan Idris | 35900 Tanjong Malim  
| Perak Darul Ridzuan

05-4506832

pustaka.upsi.edu.my

SiberPROP

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi





# Warisan Tanjong Malim

Penulis :

Mohd Shafie Syed Mansor • Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan • Muliati Abdul Samad

ISBN : 9789672163398



Untuk pembelian  
SILA HUBUNGI



MULIATI ABDUL SAMAD  
05-450 6520 / 6832  
mulianti@upsi.edu.my



RAJA AHMAD SHALABY BIN  
RAJA HASSAN  
05-450 6818 / 6832  
shalaby@upsi.edu.my

---

# KANDUNGAN

---

INFO@PUSTAKA

<b>Sidang Redaksi</b>	<b>2</b>
<b>Dari Meja Ketua Pustakawan</b>	<b>3</b>
<b>IFLA WLIC@PTB</b>	<b>4</b>
<b>Pesta Buku</b>	<b>6</b>
<b>Warisan Tanjong Malim</b>	<b>7</b>
<b>Jom Le Park de PTB</b>	<b>8</b>
<b>Mimbar Gerak Membaca</b>	<b>9</b>
<b>Explora Ilmu</b>	<b>11</b>
<b>Perkongsian Ilmu</b>	<b>12</b>
<b>Bengkel E-Prints</b>	<b>13</b>
<b>Bengkel Sumber Ebsco</b>	<b>14</b>
<b>Lawatan</b>	<b>15</b>
<b>Library RoadTour</b>	<b>17</b>
<b>Anugerah</b>	<b>18</b>
<b>Hari Keluarga</b>	<b>19</b>